



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

JURUTEKNIK MAKMAL (M.4-5 EB.6)  
JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

#### Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUTEKNIK MAKMAL**  
**JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**M.4-5 EB.6 (\$930 - \$1,850 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC)* atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji M.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab ke atas ujian makmal (*routine work*);
2. Memastikan kesempurnaan ujian makmal dengan mengawasi kawalan mutu (*quality control*);
3. Membantu menunjuk ajar kakitangan teknikal makmal;
4. Membantu dalam kerja-kerja kajian makmal yang khusus;
5. Memahami kaedah dan prinsip analisis dan peralatan makmal;
6. Bertanggungjawab ke atas penggunaan peralatan makmal dan membantu menjalankan pemeliharaan peralatan berkenaan;



7. Melaporkan kerosakan peralatan makmal dan sebarang kekurangan barang-barang keperluan bekalan makmal; dan
8. Bersedia menjalankan apa jua tugas yang diarahkan oleh Pengarah Jabatan dan pegawai atasan.